Ruj. Kami: (36) BDA-3/2/1-2 VOL.8
Tarikh: 01 November 2025

# NOTIS JAWATAN KOSONG
# LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU (BDA)

**LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU (BDA)** mempelawa warganegara **Malaysia dan bermastautin di Sarawak, berumur 18 tahun ke atas daripada tarikh permohonan**, serta berkelayakan untuk mengisi kekosongan dan memenuhi syarat kelayakan seperti ditetapkan dalam skim perkhidmatan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf **Kontrak** di jabatan ini. Butiran kekosongan jawatan adalah seperti berikut:

| BIL | JAWATAN |
|---|---|
| 1 | **Penolong Jurutera, Gred JA5** |
| 2 | **Penolong Pegawai Veterinar, Gred G5** |
| 3 | **Penolong Juruukur Bahan, Gred J5** |
| 4 | **Pembantu Keselamatan, Gred KP1 (Pengawal Keselamatan)** |
| 5 | **Pembantu Khidmat Am, Gred H1 (Pemandu Kenderaan/Pembantu Awam)** |

## CARA MEMOHON

| **Melalui:** | **Untuk maklumat lanjut mengenai kekosongan jawatan, anda boleh melayari laman sesawang berikut;-** |
|---|---|
| Permohonan dibuat **melalui penghantaran e-mel ATAU menghantar resume dan salinan sijil-sijil di alamat seperti berikut:**<br><br>**U.P: Pengurus**<br>**(Seksyen Perkhidmatan Sumber Manusia)**<br>Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA)<br>Wisma Bintulu, No.1, Jalan Tanjung Kidurong<br>Peti Surat 55,97007, Bintulu<br>Sarawak<br><br>ATAU emel kepada :<br><br>**hrsbda@gmail.com**<br><br>(Semua dokumen hendaklah diserahkan **DALAM FORMAT PDF SAHAJA**). | 1) www.bda.gov.my<br>(Laman sesawang rasmi BDA)<br><br>2) Pemohon boleh menghantar **resume berserta salinan sijil** secara talian dengan mengimbas Kod QR seperti berikut:<br><br>**PERHATIAN:** Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses |

**NOTA**

1. Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
2. Semua calon yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan/atau Unified Examination Certificate (UEC) hanya diperlukan kredit Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 November 2025.**

Iklan dikeluarkan oleh:

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran
Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA)
Wisma Bintulu, No.1, Jalan Tanjung Kidurong
Peti Surat 55,97007, Bintulu Sarawak

**LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU**

# IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **warganegara Malaysia dan bermastautin di Sarawak,** berumur **18 tahun ke atas dan kurang 54 tahun daripada tarikh permohonan** serta **berkelayakan** untuk mengisi kekosongan bagi jawatan berikut di Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA);

| | | |
|---|---|---|
| **[ 1 ] Jawatan** | : | **PENOLONG JURUTERA GRED JA5** |
| | : | **TARIKH TUTUP: 30 NOVEMBER 2025** |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Taraf Jawatan** | : | Kontrak | **Jadual Gaji** | : | JA5 |
| **Klasifikasi Perkhidmatan** | : | Kejuruteraan | | | |
| **Kumpulan Perkhidmatan** | : | Pelaksana | | | |
| **Skim Perkhidmatan** | : | Penolong Jurutera | | | |

| Minimum | Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|
| **RM 1,650.00** | **RM 6,620.00** | **RM 145.00** |

**Syarat Lantikan:**

(a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(i) **Diploma dalam bidang kejuruteraan** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada **institusi pengajian tinggi tempatan** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM 2,055.00).

(b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(c) **Kelayakan Tambahan**

(i) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun dalam bidang kejuruteraan (Kejuruteraan Awam).**

(ii) Mahir dalam penggunaan perisian ***AUTOCAD*** dan lain-lain perisian yang berkaitan

| [ 2 ] Jawatan | : | **PENOLONG PEGAWAI VETERINAR, GRED G5**<br>**TARIKH TUTUP: 30 NOVEMBER 2025** |
|---|---|---|

| | | |
|---|---|---|
| **Taraf Jawatan** | : | Kontrak |
| **Klasifikasi Perkhidmatan** | : | Pertanian |
| **Kumpulan Perkhidmatan** | : | Pelaksana |
| **Skim Perkhidmatan** | : | Penolong Pegawai Veterinar |

**Jadual Gaji** : G5

| Minimum | Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|
| **RM 1,500.00** | **RM 4,680.00** | **RM 100.00** |

**Syarat Lantikan:**

(a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(i) **Sijil Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G5: RM 1,731.00); atau

(ii) **Diploma Veterinar, Diploma dalam bidang Kesihatan Haiwan dan Penternakan atau Sains Veterinar** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktriraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G5: RM 2,055.00); atau

(b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

(c) **Kelayakan Tambahan**

(i) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun dalam bidang veterinar dan pertanian.**

| [ 3 ] Jawatan | : | PENOLONG JURUUKUR BAHAN, GRED J5<br>TARIKH TUTUP: 30 NOVEMBER 2025 |
|---|---|---|
| **Taraf Jawatan** | : | Kontrak |
| **Klasifikasi Perkhidmatan** | : | Kejuruteraan |
| **Kumpulan Perkhidmatan** | : | Pelaksana |
| **Skim Perkhidmatan** | : | Penolong Juruukur Bahan |

**Jadual Gaji** : J5

| Minimum | Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|
| **RM 1,650.00** | **RM 6,620.00** | **RM 145.00** |

**Syarat Lantikan:**

(a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(i) **Sijil Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM 1,731.00); atau

(ii) **Diploma Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan** atau kelayakan yang diiktriraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G5: RM 2,055.00); atau

(b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

(c) **Kelayakan Tambahan**

(i) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun dalam bidang juruukur bahan.**

| [ 4 ] Jawatan | : | PEMBANTU KESELAMATAN, GRED KP1<br>TARIKH TUTUP: 30 NOVEMBER 2025 |
|---|---|---|

| | | |
|---|---|---|
| **Taraf Jawatan** | : | Kontrak |
| **Klasifikasi Perkhidmatan** | : | Keselamatan dan Pertahanan Awam |
| **Kumpulan Perkhidmatan** | : | Pelaksana |
| **Skim Perkhidmatan** | : | Pembantu Keselamatan |

**Jadual Gaji** : KP1

| Minimum | Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|
| RM 1,500.00 | RM 4,680.00 | RM 100.00 |

**Syarat Lantikan:**

(a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(i) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM 1,500.00); atau

(ii) **Sijil Vokasional Malaysia** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM 1,500.00); atau

(iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM 1,500.00); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau

(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00) dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26; 249/472
(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

(b) Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iv) dan 1(a)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(c) **Kelayakan Tambahan**

(i) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun dalam bidang kawalan keselamatan.**

| [ 5 ] Jawatan | : | PEMBANTU KHIDMAT AM, GRED H1 |
|---|---|---|
| | : | **TARIKH TUTUP: 30 NOVEMBER 2025** |

| | | |
|---|---|---|
| **Taraf Jawatan** | : | Kontrak |
| **Klasifikasi Perkhidmatan** | : | Kemahiran |
| **Kumpulan Perkhidmatan** | : | Pelaksana |
| **Skim Perkhidmatan** | : | Pembantu Khidmat Am |

**Jadual Gaji** : H1

| Minimum | Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|
| **RM 1,500.00** | **RM 4,680.00** | **RM 100.00** |

**Syarat Lantikan:**

(a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(i) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

(ii) **Sijil Vokasional Malaysia** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

(iii) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

(iv) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan

(v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti berikut:.

(i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugasan berkenaan; atau

(ii) Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki **Sijil Pendaftaran Orang Kompeten** yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau

(iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau

(iv) Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya **Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2** atau **Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2** mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau

(v) Bagi tugasan menyelamat, calon perlu memiliki **Sijil Pertolongan Cemas** dan berkebolehan berenang.

(b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

(c) **Kelayakan Tambahan**

(i) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun dalam bidang pembantu awam dan pemandu kenderaan.**